D.R. 40/92

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Kanun Acara Jenayah.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk ringkas.

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1992.

Pindaan seksyen 2. *PTM Bab 6.*

2. Seksyen 2 Kanun Acara Jenayah adalah dipinda dengan menggantikan takrif "Government Medical Officer" dengan yang berikut:

> ' "Government Medical Officer" or "Medical Officer" includes a medical practitioner who has been given by the Director General of Health Malaysia, an authorisation in writing under section 34c of the Medical Act 1971 to perform functions specified in that section.'.

*Act 50.*

RANG UNDANG-UNDANG

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Kanun Acara Jenayah.

2. F*asal 2* bertujuan meminda takrif istilah "Government Medical Officer" dalam seksyen 2 supaya dengan pindaan ini pengamal perubatan yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 dan diberi kuasa di bawah seksyen 34c Akta tersebut termasuk dalam golongan istilah itu. Kebenaran di bawah seksyen 34c itu akan membolehkan pengamal perubatan tersebut menjalankan apa-apa fungsi di bawah seksyen itu. Bagi maksud Kanun Acara Jenayah pengamal perubatan yang diberi kuasa sedemikian adalah dianggapkan sebagai pengamal perubatan Kerajaan.

### ***IMPLIKASI*** *KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 1589/11.]